

TR: 2.11.66

**UCAPAN TIMBALAN
PERDANA MENTERI MALAYSIA
DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI
MESYUARAT AGUNG BANK AGUNG KESEBELAS
DI KUALA LUMPUR
PADA 18HB NOVEMBER, 1966.**

Yang Amat Berhormat Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim,
Yang Yang Di-Pertua Bank Agung Kerjasama,
Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama¹,
Yang Berhormat Pemangku Menteri Besar Selangor²,
Tuan-tuan, Puan-puan para hadirin sekalian.

Saya syukur kepada Allah dapat hadir bersama-sama dalam majlis ini, dan saya ucapkan terima kasih di atas jemputan kepada saya untuk melakukan pembukaan rasmi Bangunan Kerjasama, Ibu Pejabat Bank Agung dan Mesyuarat Agung yang kesebelas ini.

Saya sangatlah tertarik hati dan merasa megah bersama tuan-tuan melihat keindahan bangunan ini dan alat-alat kelengkapannya sebagai sebuah Bank. Bangunan ini adalah sebagai sebuah lambang bagi syarikat kerjasama luar bandar khasnya yang akan dapat memberikan semangat dan dorongan bagi meluaskan lagi perkhidmatan pergerakan kerjasama di negeri ini.

Walaupun inilah kali yang pertama saya merasmikan pembukaan Mesyuarat Agung Bank Agung, tetapi saya adalah sentiasa mengikuti perkembangan Bank Agung dan gerakan kerjasama seluruhnya. Saya percaya pergerakan kerjasama adalah satu daripada alat yang berkesan untuk membaiki kehidupan penduduk-penduduk luar bandar khasnya dan dengan jalan itu dapat memainkan peranan yang besar untuk meninggikan ekonomi rakyat dan Negara.

Saya mendapat faham, Bank Agung adalah sebagai pusat kewangan syarikat-syarikat kerjasama luar bandar, menjadi satu faktor yang penting bagi pergerakan kerjasama Negeri ini. Peranan Bank Agung pada masa yang lalu telah banyak menunjukkan hasil-hasil

yang cemerlang mahupun banyak lagi kelemahan-kelemahan yang mustahak di atasi. Saya dapat tahu ahli-ahli Jemaah Pengarah sedang bertindak untuk memperkemaskan lagi pendirian Bank Agung ini. Ini adalah satu langkah yang bijak dan saya berharap moga-moga Bank Agung akan menjadi satu perbadanan yang kuat dan berkesan kepada perekonomian rakyat.

Saya berasa besar hati manakala mendapat tahu bahawa Bank Agung akan menjadi Bank Kerjasama dan membesarkan keahlian bagi meliputi semua syarikat-syarikat kerjasama di Negeri ini dan dengan cara itu akan membesarkan modalnya. Seperti mana RIDA telah bertukar menjadi MARA saya berharap biarlah dengan pertukaran namanya, Bank Agung juga akan menerima perubahan-perubahan yang baik dan mempunyai jiwa dan tenaga yang baru, supaya ianya dapat memainkan peranan yang sewajarnya dalam menjayakan rancangan-rancangan gerakan kerjasama. Saya berharap moga-moga bank kerjasama yang diciptakan itu akan menjalankan perkhidmatan Bank yang sepenuhnya sebagaimana bank-bank yang ada di Negeri ini. Saya berharap Bank ini bukan sahaja akan terbuka kepada syarikat-syarikat kerjasama tetapi juga kepada orang ramai. Dengan cara yang demikian akan terbukalah peluang kepada semua peringkat gerakan kerjasama dan orang ramai mengambil bahagian bersama-sama dalam pergerakan kerjasama ini untuk kebaikan dan kemajuan negeri ini.

Dalam Kongres EkQnomi Bumiputera yang telah diadakan pada 5, 6 dan 7 Jun, 1965, masalah-masalah ekonomi bumiputera telah dibangkitkan dan masalah Bank Agung juga ikut sama dibincangkan yang mana Kongres Ekonomi Bumiputera itu telah membuat keputusan menyeru Kerajaan supaya menguatkan pendirian Bank Agung dan dibantu dengan modal yang mencukupi. Berikut dengan keputusan itu saya juga telah menemui perwakilan Bank Agung dalam bulan Februari, 1966 dan membincangkan dengan mereka itu masalah-masalah yang dihadapi oleh Bank Agung. Satu memorandum berkenaan itu telah juga disampaikan kepada saya. Memorandum itu adalah dalam kajian dan perhatian saya. Saya sedar Bank Agung adalah dalam serba kekurangan, baikpun modal mahupun kakitangan. Bersama-sama dengan Y. B. Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama saya akan mengambil sebarang tindakan yang difikirkan patut untuk memperbaiki pendirian Bank Agung dan memperbantukannya dengan modal yang mencukupi.

Namun demikian sebagai sebuah pertubuhan yang bertanggungjawab, Bank Agung patutlah bersikap tegas dan bebas, iaitu "berdiri di atas kaki sendiri". Dalam hal ini saya sangat tertarik hati di atas rancangan 5 tahun (1965 - 1969) iaitu "Gerakan Membina Modal" yang sedang dilancarkan oleh Bank Agung pada masa ini. Saya berdoa mudah-mudahan Bank tuan-tuan ini akan berjaya mengumpulkan modal yang mencukupi, supaya dapat menjalankan perkhidmatan Bank yang sepenuhnya mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Undang-Undang. Peranan ini sangatlah sesuai dalam zaman kemajuan dan pembangunan negara kita. Dengan peranan yang demikian rupa dapatlah gerakan kerjasama memberi sumbangannya dalam "Gerakan Maju" yang dilancarkan oleh Kerajaan dengan tujuan hendak meninggikan ekonomi rakyat dan Negara.

Pada masa penjajahan dulu peranan syarikat kerjasama itu terbatas kepada usaha-usaha berjimat cermat, menyimpan wang dan meminjam wang sahaja. Oleh sebab itu perjalanan syarikat-syarikat kerjasama kurang mendapat perhatian dan perkembangannya pun terhad. Tetapi selepas kita mencapai kemerdekaan, pergerakan kerjasama telah mulai berubah dan peranannya telah diluaskan dalam bidang-bidang pasaran, perusahaan dan perniagaan. Banyak syarikat-syarikat kerjasama telah mendapat kejayaan dalam bidang-bidang tersebut dan ini patutlah menjadi perangsang dan teladan kepada syarikat-syarikat kerjasama yang lain. Sungguhpun demikian masih ada kelemahan-kelemahan, kekurangan dan kesulitan yang dihadapi oleh gerakan kerjasama baik pun di bandar mahupun diluar bandar.. Satu perkara yang penting, mengikut hemat saya, ialah mencari jalan untuk memperbesarkan syarikat-syarikat yang terlalu kecil yang masih ada di kampung-kampung pada masa ini sama ada dengan jalan membanyakkan ahli-ahli ataupun dengan jalan percantuman. Satu perkara lagi ialah menjalankan ikhtiar-ikhtiar untuk menyatupadukan seluruh syarikat-syarikat kerjasama di dalam negeri dalam satu pertubuhan yang tunggal untuk mengawal dan memimpin syarikat-syarikat kerjasama keseluruhannya.

Pergerakan Kerjasama Negeri ini mempunyai modal yang besar, tetapi modal-modal itu berpecah dan tidak dipusatkan dalam satu perbadanan kewangan atau sebuah bank yang bercorak kerjasama. Sekiranya modal itu dapat disatukan dalam sebuah badan kewangan atau bank kerjasama, umpamanya tidak syak lagi modal, itu akan dapat digunakan dengan lebih luas dan berkesan untuk menjayakan

rancangan-rancangan pergerakan kerjasama seluruhnya. Masalah-masalah yang saya sebutkan itu adalah penting dan saya percaya akan mendapat perhatian tuan-tuan.

Saya berharap mesyuarat agung Bank Agung ini akan mendapat sepenuh kejayaan dengan membuat keputusan-keputusan yang berkesan dan berfaedah kepada gerakan kerjasama khasnya, rakyat dan Negara amnya.

Sekianlah, dan pada akhirnya saya dengan sukacitanya membuka persidangan mesyuarat agung Bank Agung kesebelas dengan rasminya.

1 Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi.

2 Dato' Ahmad Razali Mohd. Ali.